

# Bakal doktor, pakar perubatan UPM dirai

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

---

**BANGI (21 Mac)** - "Mahasiswa perlu lebih cekap dan bijak mengatur langkah serta mengambil peluang yang ada. Perlu memprolehi pelbagai kemahiran sebagai persediaan untuk menjadi bakal pemimpin dan peneraju negara pada masa akan datang," nasihat Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam kepada semua mahasiswa tahun akhir Kolej Mohamad Rashid (KMR), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Majlis Jamuan Rasmi 2006 KMR yang berlangsung penuh gemilang di Hotel Equatorial ini memberikan jaminan kepada

negara sebagai bertambahnya bilangan doktor, pakar perubatan, pakar hutan, dan pendidik yang akan bergraduasi tidak lama lagi.

Anugerah Puspa Adiwarna (pelajar terbaik keseluruhan) menjadi milik Khairina Mohamad Khalit yang turut memenangi Anugerah Seri Cenderawasih (Akademik Terbaik) bersama How Hai San.

Anugerah Seri Lanang (Kepimpinan Harapan) berpihak kepada Mohamed Hanief Khalid, Anugerah Citra Mestika (Khas Pengetua) menjadi rezeki Rosliza Abidin.

Diikuti, Noraina Muhamad Zakuan, Azhar Yaacob, Noor Asikin Mohd Sakri

dan Chin Qian Yeen mendapat Anugerah Seri Nara (Jasa Bakti Kolej).

Anugerah Gagasan Perkasa (Olahragawati) dimenangi Munira Nor Shams, Anugerah Seri Kencana (Aspirasi Kolej) diberikan kepada Siti Zaleha Raduan, Nik Rohani Azman, Norhafidah Zulkily dan Mohd Khairul Hamzah.

Karnival KMR pula diangkat sebagai penerima Anugerah Seri Wahana (Aktiviti Kolej Terbaik).

Dua orang staf KMR juga turut diberikan penghargaan di atas jasa dan bakti berkhidmat di KMR, Tiawan Othman dan Nordin Ibrahim.